

BULETIN Yayasan Pahang



PENDIDIKAN Pemangkin Transformasi Negara



edisi **KHAS** 2011



KANDUNGAN

- 03** 451 Pelajar Parlimen Pekan terima Hadiah Pelajar Cemerlang (HPC) UPSR 2010
- 04** Ijazah Doktor Kehormat Pentadbiran Pendidikan untuk YAB Menteri Besar Pahang
- 05** Kursi Pahang di Universiti Yarmouk, Jordan
- 06** Ramah mesra MB Pahang bersama-sama pelajar di Jordan dan Syria
- 07** Qari dan Qariah PETAMA unggul Pertandingan Tilawah Al-Quran Saudara Muslim Peringkat Kebangsaan 1431 Hijrah/2010 Masehi
- 08** Majlis Kecemerlangan Pendidikan - Pengiktirafan Tertinggi Kerajaan Pahang Untuk Anak-anak Cemerlang
- 09** Majlis Kecemerlangan Kokurikulum Negeri Pahang 2010
- 10** Ciptaan inovasi penting bagi melonjakkan negara ke peringkat global
- 11** PERHATI YP bela golongan anak yatim
- 12** Sedekad Konvokesyen Kolej Antarabangsa IKIP
- 13** Seminar Antarabangsa: Islam dan pendidikan tinggi
- 14** Imbasan Yayasan Pahang 1983-2010
- 15** Imbasan Yayasan Pahang 1983-2010
- 16** IKIP perkukuh kurikulum penuhi kehendak industri



- 17** MTNP unggul pencapaian PMR 2010
- 18** MTNP terima kunjungan pelawat antarabangsa
- 19** 2011 Tahun inovasi, produktiviti dan kualiti kepada transformasi YPPH
- 20** Peningkatan kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan Yayasan Pahang
- 21** Y2Y Program baru latih peneraju syarikat-syarikat terkemuka negara
- 22** MB Rasmi Loaf Doughnut
- 23** RISENSI BUKU - Datuk Sri Najib: Liku-Liku Perjalanan Politik
- 24** Sambutan Sedekad MAMPAN
- 25** Kejohanan karnival sukan MAMPAN – usaha lahirkan mahasiswa tangkas, cerdas
- 26** Perutusan Tahun Baru Pengurus Besar Yayasan Pahang

Sidang Redaksi

Penaung:
YAB Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin
Haji Yaakob

Penasihat:
Pengurus Besar Yayasan Pahang
Dato' Hajjah Saariah bt Saad

Pengurus:
Norhishamuddin bin Yaacob

Editor:
Zarinah bt Hamid

Penulis undangan:
Dato' Haji Yaakub bin Isa

Wartawan:
Nornahar bt Ghani
(Kolej Antarabangsa IKIP)

Nurzimah bt Kasran
(Kolej Antarabangsa IKIP)

Mohd Amin bin Amat (Maahad
Tahfiz Negeri Pahang)

Setiasaha:
Zalizan bt Zahari

Rekabentuk & rekaletak:
Saiful Razman bin Shaadan




451 pelajar Parlimen Pekan terima **Hadiah Pelajar Cemerlang (HPC) UPSR 2010**

Usaha gigih 451 pelajar cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dari 44 sekolah di Parlimen Pekan mendapat penghargaan dan pengiktirafan apabila menerima Hadiah Pelajar Cemerlang (HPC) Yayasan Pahang pada Disember lalu.

Majlis tersebut menjadi lebih bersejarah apabila sijil-sijil penghargaan dan wang tunai disampaikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

Majlis yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Pekan itu adalah rentetan daripada kejayaan Program Lonjakan Kecemerlangan UPSR 2010 Daerah Pekan. Program yang dilaksanakan mulai tahun lalu itu membabitkan kesemua 55 buah sekolah rendah di daerah Pekan.

Pemantauan rapi rakan strategik program ini iaitu Jabatan Pelajaran Pahang, Pejabat Pelajaran Daerah Pekan, jurulatih-jurulatih utama, guru besar, koordinator program dan Yayasan Pahang selaku urusetia dan penaja telah berjaya melonjakkan peratus bilangan murid cemerlang semua A daripada 12.88% pada tahun 2009 kepada 14.17% pada tahun 2010. Syabas kepada semua penerima hadiah!

Sementara itu, dalam majlis yang sama Dato' Sri Najib telah meluangkan masa untuk melawat tapak pameran Yayasan Pahang yang turut menempatkan produk *Loaf Doughnut* – kafeteria moden IKIP Advanced Skills Centre (IASC). Beliau yang tertarik dengan penghasilan pelatih-pelatih dalam bidang kulinari itu turut mencuba bakat dalam penghasilan donut. 





Ijazah Doktor Kehormat Pentadbiran Pendidikan untuk **YAB Menteri Besar Pahang**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob telah dianugerahkan Ijazah Kehormat dalam bidang Pentadbiran Pendidikan oleh Universiti Yarmouk, Jordan.

Penganugerahan daripada universiti tertua di Jordan itu (ditubuhkan pada 1976) adalah sebagai mengiktiraf jasa dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan khususnya berbentuk galakan dan bantuan kewangan kepada anak-anak negeri Pahang bagi melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi termasuk di negara-negara Arab.

Penganugerahan julung-julung kali itu disampaikan oleh Presiden Universiti Yarmouk, Profesor Dr Sultan T. Abu-Orabi pada satu majlis khas di universiti tersebut di bandar Irbid, kira-kira 85 km ke utara Amman.


Dalam upacara penganugerahan tersebut, Dato' Sri Diraja Haji Adnan telah dikalungkan dengan ***kalung khas** Universiti Yarmouk yang memaparkan simbol peringatan abadi terhadap pertempuran Yarmouk.

Usaha berterusan YAB Menteri Besar Pahang itu telah berjaya mendapat kepercayaan dari pihak Universiti Yarmouk untuk menjalankan program ijazah sarjana muda syariah. Menariknya program ini adalah satu-satunya program dari universiti tersebut yang dijalankan berasaskan konsep 2 + 2 iaitu dua tahun di Kolej Antarabangsa IKIP dan dua tahun di Universiti Yarmouk, Jordan.

Penganugerahan tersebut turut bertujuan mengukuhkan lagi kerjasama di antara Kolej Antarabangsa IKIP milik Yayasan Pahang yang terjalin sejak sembilan tahun lalu.

Sementara itu, Dato' Sri Diraja Haji Adnan dalam ucapan ringkasnya pada majlis berkenaan menyifatkan penganugerahan itu bukan sahaja untuk dirinya bahkan sebagai penghormatan besar kepada Kerajaan Negeri Pahang yang dinaungi pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'ain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah dan Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak serta Malaysia.

"Kita juga berharap kerjasama antara Jordan terutamanya dengan Universiti Yarmouk dan Kolej Antarabangsa IKIP milik Yayasan Pahang dalam bidang pendidikan akan dapat diperkembangkan lagi," katanya.

Turut hadir dalam majlis bersejarah itu adalah delegasi dari Pahang yang terdiri daripada beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Ahli-ahli Pemegang Amanah/Lembaga Pengarah Yayasan Pahang dan Kolej Antarabangsa IKIP. 

Pertempuran Yarmouk

berlaku pada zaman Rasulullah pada tahun ke-3 Hijrah yang melibatkan pertarungan antara tentera Rom dan Islam. Dalam peperangan pada Jamadil Akhir itu, seramai 100,000 orang tentera Rom telah kalah kepada tentera Islam yang hanya berjumlah 30,000 orang.

***KALUNG KHAS**



Simbol Peringatan Pertempuran Yarmouk

Peperangan tersebut membuktikan jumlah tentera yang ramai bukanlah senjata terkuat bagi mengalahkan musuh. Keazaman, ketaqwaan dan semangat jitu untuk mempertahankan agama Allah menjadi penentu segala-galanya. Pasukan tentera Islam telah dipimpin oleh Panglima Islam terbilang iaitu Khalid Al-Walid dan Abu 'Ubaidah.

Sumber: pancapersada.blogspot.com
(Ustaz Badli Shah Alauddin)





KURSI PAHANG di Universiti Yarmouk, Jordan

Kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob dan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'ain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah dalam bidang pendidikan telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila pihak pengurusan Universiti Yarmouk mempelawa menubuhkan Kursi Pahang di universiti berkenaan Oktober lalu.

Penubuhan kursi tersebut diharap dapat membuka ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar Malaysia untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan kedoktoran selain memberi galakan tambahan kepada penglibatan para akademik dari negeri Pahang khasnya dan Malaysia amnya menjadi semakin luas hingga menjangkau dunia antarabangsa.

Menurut Dato' Sri Diraja Haji Adnan, negeri Pahang dan Malaysia juga akan menjadi lebih dekat dengan institusi-institusi antarabangsa dalam pertukaran maklumat di antara ilmuan dan ahli-ahli akademik seterusnya pemberian sumbangan yang bermakna kepada bidang keilmuan.

"Kursi Pahang ini boleh dijadikan platform kepada negara-negara Islam di seluruh dunia memberi sumbangan khususnya bidang pendidikan, penyelidikan dan dakwah bagi mengatasi isu-isu berkaitan globalisasi, identiti, kemiskinan, pengangguran, kemunduran dan keganasan.

"Selain itu, penubuhan Kursi Pahang ini juga akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar cemerlang dan mereka yang menghafal Al-Quran khususnya dari negara-negara Islam yang sedang menghadapi konflik seperti Somalia, Mauritania, Kashmir, Palestin, Thailand dan Filipina melanjutkan pengajian dalam bidang syariah dan pengajian Islam seterusnya membantu dalam penyebaran agama Islam," tambah beliau lagi.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) penubuhan Kursi Pahang telah diadakan di Universiti Yarmouk, Jordan, Oktober lalu. Kerajaan Negeri Pahang diwakili oleh YAB Menteri Besar, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob sementara Universiti Yarmouk diwakili oleh presidennya Profesor Dr Sultan T. Abu-Orabi. Turut menyaksikan upacara bersejarah itu ialah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Universiti Yarmouk, Encik Zaid Al-Refai, Dr. Manaf Gharaibeh, Gabenor Irbid, Encik Khaled Abu Zeid, Duta Malaysia ke Jordan, Dato' Abdul Malek Abdul Aziz. Turut sama adalah delegasi Pahang yang terdiri daripada beberapa Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, pengurusan Yayasan Pahang dan Kolej Antarabangsa IKIP serta Pengurus Besar Yayasan Pahang, Dato' Hajjah Saariah Saad.



RAMAH MESRA MB PAHANG bersama-sama pelajar di Jordan dan Syria


Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob begitu sinonim dengan pelajar. Sifat-sifat kebapaan dan jiwa sebagai guru yang menebal dalam dirinya menyebabkan beliau begitu prihatin dengan kehidupan pelajar. Sudah tentu agenda pendidikan menjadi antara aspek penting pentadbirannya.

Sehubungan itu, beliau tetap meluangkan masa bertemu dengan pelajar walaupun padat dengan pelbagai acara rasmi ketika mengadakan lawatan ke Jordan dan Syria pada Oktober lalu. Sebanyak tiga acara ramah mesra pelajar anak Pahang telah diadakan sepanjang lawatan tersebut berlangsung.

Pertemuan pertama diadakan di Mudarraj Al-Arar membabitkan 125 pelajar anak Pahang yang menuntut dalam pelbagai bidang pengajian di universiti-universiti di Jordan. Dato' Sri Diraja Haji Adnan telah menyampaikan sumbangan dermasiswa berjumlah RM1,000 dari Yayasan Pahang dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) kepada setiap pelajar dan RM20,000 kepada Badan Kebajikan Mahasiswa Pahang Jordan.

Pertemuan kedua berlangsung di Qa'ah Al-Kindi, Jordan membabitkan pelajar-pelajar Malaysia dan Pahang sementara pertemuan ketiga diadakan di Mat'am Al-Khawali, Syria menemukan Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob dengan pelajar Pahang dan wakil-wakil persatuan pelajar dari seluruh Malaysia yang menuntut di Syria. Dalam majlis itu juga beliau telah menyampaikan bantuan kewangan berbentuk dermasiswa RM1,000 sumbangan Yayasan Pahang dan MUIP kepada setiap pelajar anak Pahang.

Antara perkara utama yang disentuh oleh beliau dalam siri ramah mesra tersebut adalah beberapa isu semasa yang berlaku di Malaysia; nasihat kepada pelajar-pelajar agar belajar bersungguh-sungguh dan merujuk kepada pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Penuntut Malaysia dan Yayasan Pahang sekiranya menghadapi masalah.

Turut sama dalam delegasi ramah mesra itu selain beberapa Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah/Lembaga Pengarah Yayasan Pahang dan IKIP Education Sdn Bhd dan Pengurus Besar Yayasan Pahang, Dato' Hajjah Saariah Saad. 





QARI, QARIAH PETAMA unggul Pertandingan Tilawah Al-Quran Saudara Muslim Peringkat Kebangsaan 1431 Hijrah/2010 Masehi



Peserta-peserta Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) sekali lagi mengungguli Pertandingan Tilawah Al-Quran Saudara Muslim Peringkat Kebangsaan kali ke-4 yang telah berlangsung selama dua hari dan berakhir dengan gilang gemilang di Dewan Besar, Seri Perdana, Putrajaya.

Pertandingan dinaungi oleh YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri Malaysia ini menyaksikan lima anak didik PETAMA memenangi dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori terbuka dan kategori millenium.



▲
Joha Abdullah
- Johan Qari
Kategori Terbuka


◀
Siti Salmiah Sulong
- Johan Qariah
Kategori Terbuka

PETAMA mendapat kejayaan berganda apabila kedua-dua pesertanya yang mewakili Kategori Terbuka telah menjadi Johan Qari dan Qariah pada pertandingan kali ini. Saudara Joha bin Abdullah dan Saudari Siti Salmiah binti Sulong telah berjaya membawa pulang Piala Pusingan Sultan Haji Ahmad Shah dan wang tunai RM10,000 tiap seorang.

Bagi Kategori Millenium pula, peserta qariah PETAMA telah mendapat tempat kedua dan ketiga sementara peserta qari juga mendapat tempat ketiga.

Pertandingan pada kali ini menyaksikan 98 peserta mengambil bahagian dalam lima kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Terbuka : Qari & Qariah; Kategori Millenium (memeluk Islam sejak 2006) : Qari & Qariah; Kategori Istimewa (peserta cacat penglihatan); Kategori Azan Putra (kanak-kanak di bawah 12 tahun) dan Kategori Azan Remaja (remaja di bawah 17 tahun).

PETAMA telah menghantar seramai 15 peserta ke pertandingan tersebut iaitu dua orang bagi Kategori Terbuka dan sepuluh orang bagi Kategori Millenium serta tiga orang bagi Kategori Azan Remaja.

Kesemua hadiah yang dimenangi dalam pertandingan tersebut disampaikan oleh YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor. Sementara hadiah Tokoh Muslim dan Tokoh Muslimah disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah. 

FAKTA PENCAPAIAN QARI DAN QARIAH PETAMA

Tahun	Nama	Pencapaian
2010	i) Joha Abdullah	i) Johan Qari Kategori Terbuka
	ii) Siti Salmiah Sulong	ii) Johan Qariah Kategori Terbuka
	iii) Rohani Nordin	iii) Naib Johan Qariah Kategori Millenium
	iv) Ahmad Yusry Razali	iv) Tempat Ketiga Qari Kategori Millenium
	v) Nurhidayah Syakira Musa	v) Tempat Ketiga Qariah kategori Millenium
2007	i) Joha Abdullah	i) Johan Qari Kategori Millenium
	ii) Ahmad Rizal Fauzi	ii) Tempat Ketiga Qari Kategori Millenium
	iii) Mardiana Razali	iii) Tempat Ketiga Qariah Kategori Millenium
2006	i) Siti Salmiah Sulong	i) Johan Qariah Kategori Terbuka
	ii) Joha Abdullah	ii) Tempat Ketiga Qari Kategori Terbuka
2005	i) Joha Abdullah	i) Johan Qari Kategori Millenium
	ii) Hamid Abdullah	ii) Naib Johan Qari Kategori Millenium




MAJLIS KECEMERLANGAN PENDIDIKAN

Pengiktirafan tertinggi Kerajaan Pahang untuk anak-anak cemerlang

Majlis Kecemerlangan Pendidikan Negeri Pahang 2010 – Hadiah Menteri Besar Pahang adalah salah satu agenda penting dalam aktiviti pendidikan Yayasan Pahang. Ia diadakan bertujuan menjana kecemerlangan insan melalui pendidikan bagi melahirkan masyarakat berilmu, berwawasan, kreatif dan inovatif yang mengamalkan nilai-nilai murni bagi mengurus dan meneruskan kejayaan negara pada masa hadapan.

Pada tahun 2010 seramai 7,292 pelajar cemerlang enam kategori peperiksaan awam dari seluruh negeri Pahang terpilih untuk menerima Hadiah Pelajar Cemerlang (HPC) Yayasan Pahang tahun 2010. Daripada jumlah itu 162 pelajar dan 92 sekolah menerima pengiktirafan tertinggi negeri Pahang daripada YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob pada satu majlis khas yang diadakan pada Mei 2010 di Kompleks Yayasan Pahang.

Majlis pengiktirafan ini adalah salah satu daripada agenda peningkatan kualiti akademik pelajar yang menjadi agenda utama Yayasan Pahang sebagai sebahagian daripada usaha menghasilkan modal insan bermutu tinggi yang memerlukan kepada minda kelas pertama agar dapat memberi impak yang besar terhadap pembangunan negara. Hanya dengan ilmu pengetahuanlah yang mampu mencipta inovasi, kreativiti dan nilai tambah yang tinggi kepada modal insan yang seterusnya menjadi penentu kejayaan negara di arena antarabangsa. 

Gerakan meningkatkan prestasi akademik dan modal insan anak-anak Pahang yang diterajui oleh Yayasan Pahang ini tidak akan mencapai kejayaan sebagaimana yang dikecapi kini tanpa sokongan dan penglibatan yang amat aktif daripada ikon pendidikan negeri Pahang iaitu YAB Menteri Besar Pahang Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob yang juga selaku Pengerusi lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pahang.

INFO Hadiah Menteri Besar Pahang

- Sejarah awal Majlis Kecemerlangan Pendidikan Negeri Pahang dimulai dengan Anugerah Pelajar Cemerlang (APC) pada tahun 1984
- Hadiah diberi dalam bentuk wang tunai dan sijil penghargaan mengikut kategori
- Pengiktirafan diberi kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di negeri Pahang yang telah mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam
- Mulai 2006, Majlis Kecemerlangan Pendidikan Negeri Pahang diadakan khas bagi mengiktiraf pelajar terbaik di kalangan yang terbaik atau *crème de la crème* di peringkat kebangsaan dan negeri Pahang
- Turut menyediakan pelbagai hadiah lain bagi mengiktiraf pihak sekolah atas pelbagai kejayaan yang diperolehi dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar seterusnya menaikkan nama negeri Pahang sebagai antara peneraju utama bidang pendidikan di negara ini.



MAJLIS KECEMERLANGAN KOKURIKULUM NEGERI PAHANG 2010

Pelajar disaran agar menerokai dunia keusahawanan sebaik sahaja menamatkan pengajian dan tidak terlalu bergantung kepada kerajaan memandangkan sektor tersebut amat luas dan menjadi tunjang kepada kekuatan ekonomi sesebuah negara.

Menurut YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob, menceburi bidang keusahawanan dapat mewujudkan banyak peluang khususnya meningkatkan ekonomi dan taraf hidup.

"Ekonomi dunia yang besar selain kehendak pengguna yang semakin tinggi memberi peluang kepada usahawan menawarkan produk ataupun perkhidmatan kepada pengguna bertepatan dengan sasaran negara yang berpendapatan tinggi.

"Selain bergantung kepada pasaran dalam negara, usahawan-usahawan ini boleh meneroka pasaran yang lebih luas dan kuasa besar ekonomi dunia seperti China, Amerika Syarikat dan Eropah," katanya lagi.

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan dalam Majlis Kecemerlangan Hadiah Kokurikulum Negeri Pahang 2010 dan Sumbangan Kepada Anak-anak Yatim Permata Hati (PERHATI) Yayasan Pahang, daerah Kuantan dan Pekan di Yayasan Pahang Ogos lalu.

Sementara itu Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob juga menyarankan pelajar menjenamakan diri selaras dengan kehendak pasaran kerja selain menyesuaikan diri ke dalam masyarakat selepas memasuki alam pekerjaan.


"Pelajar disaran agar menerokai dunia keusahawanan agar dapat mewujudkan banyak peluang khususnya meningkatkan ekonomi dan taraf hidup"

- YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob

"Pelajar perlu mempunyai kemahuan untuk berjaya agar tidak terus ketinggalan selaras dengan perkembangan globalisasi," katanya lagi.

Seramai 629 pelajar dan jurulatih yang telah mengharumkan nama negeri Pahang dalam pelbagai bidang kokurikulum di peringkat nasional dan antarabangsa menerima sijil penghargaan dan wang tunai RM200 seorang.

Turut menerima sumbangan wang tunai RM200 sebagai persediaan menyambut Ramadan dan Syawal adalah anak-anak yatim PERHATI.

Majlis turut diserikan dengan ceramah motivasi daripada Muhamad Muqharabbin Mokhtarrudin dan pakar motivasi dan penyanyi Dr Ahmad Fazley Datuk Yaakob. 

Ciptaan inovasi penting bagi melonjakkan negara ke peringkat global



Profesor Anil menyampaikan ceramahnya kepada 450 peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan agensi serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Sementara itu, YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob dalam ucapan pada majlis itu berkata, kerajaan negeri akan mengambil kira semua pandangan dan saranan berkaitan dengan inovasi yang dikemukakan pada seminar berkenaan sebagai garis panduan dalam merangka pembangunan negeri untuk menjadikan Pahang sebagai negeri berinovasi pada masa hadapan.

Dalam ucapan tersebut, beliau juga berkata, Kerajaan Negeri Pahang juga akan memberi fokus kepada empat elemen iaitu Model Ekonomi Baru (MEB), konsep 1Malaysia, program transformasi kerajaan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) selaras dengan penekanan Perdana Menteri Dato' Sri Najib Razak. Kesemua ini bertujuan membangunkan negeri Pahang sebagai negeri yang bukan sahaja stabil tetapi juga seimbang dan berdaya saing.

Pakar strategi dan globalisasi dunia terkemuka dari India, Profesor Anil K Gupta berkata ciptaan inovasi terbaru penting dan perlu dikenalpasti sebagai proses berpanjangan yang mampu melonjakkan negara hingga ke peringkat global.

Dalam hal ini, Malaysia amnya dan negeri Pahang khususnya perlu mempunyai beberapa sektor tertentu yang perlu menjadi peneraju utama yang berupaya menghasilkan inovasi terbaru seterusnya mampu melonjakkan negara hingga ke peringkat antarabangsa.

Demikian pendapat yang diberikan oleh Profesor Anil ketika memberi ceramah pada Seminar Inovatif Pahang 2010 – Memacu Keunggulan Negara di Kompleks Yayasan Pahang.

“Malaysia mempunyai kelebihan dalam mengenal pasti bidang pengkhususan yang lebih spesifik untuk bersaing di peringkat antarabangsa kerana ia mempunyai jumlah penduduk yang kecil. Walau bagaimanapun ini memerlukan kerajaan menyediakan makmal untuk membuat penyelidikan dan taman sains, melaksanakan beberapa pengkhususan di universiti selain memperkenalkan insentif cukai bagi menggalakkan inovasi,”
- Profesor Anil Gupta.

Inovasi PAHANG 2010



PERHATI YP bela golongan anak yatim

Golongan anak-anak yatim di negeri Pahang terus menerus mendapat perhatian Kerajaan Negeri Pahang apabila program khas berkaitan dengan peningkatan pendidikan diwujudkan khusus untuk golongan ini.


Program Anak Yatim Permata Hati (PERHATI) diwujudkan hasil idea kreatif dan titah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Idris Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'ain Billah, agar dibangunkan program untuk membantu golongan anak yatim di negeri Pahang.

Sehubungan itu, Yayasan Pahang sebagai agensi Kerajaan Negeri Pahang yang mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan aktiviti pendidikan, sosial, agama dan kebudayaan mengambil tanggungjawab mengurus dan melaksanakan titah KDYTM Tengku Mahkota Pahang itu.

Menurut Pengurus Besar Yayasan Pahang, Yang Hormat Dato' Hajjah Saariah Saad, seurus selepas itu, Yayasan Pahang mewujudkan jawatankuasa pemandu bagi menyediakan kertas konsep dan menggerakkan program sehingga satu Jawatankuasa Pelaksana ditubuhkan.

"Program PERHATI memberi fokus kepada peningkatan prestasi akademik berdasarkan prihatin dan kasih sayang dengan menggunakan pola pendekatan yang lebih komprehensif," tambah beliau lagi.

Program yang mendapat sokongan padu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang serta Yayasan Pahang sebagai urusetia dan penaja sepenuhnya.

PERHATI yang mula dilaksanakan pada tahun 2010, kini telah memberi manfaat kepada 1,813 pelajar tingkatan lima di 160 sekolah menengah di seluruh negeri Pahang. 



Info PERHATI

- **Objektif Am**

- Memberi perhatian yang sewajarnya kepada anak yatim supaya mereka berjaya dalam pelajaran untuk membolehkan mereka meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi

- **Objektif khas**

- Meningkatkan prestasi akademik anak-anak yatim dalam pembelajaran seharian dan peperiksaan awam
- Meningkatkan sahsiah dan jati diri
- Mewujudkan rasa kesyukuran dan tidak berasa terpinggir serta terabai dalam masyarakat
- Membimbing anak-anak yatim mendapat tempat di institusi pengajian tinggi (IPT) dan institusi latihan kemahiran (ILK)

- **Kumpulan Sasaran**

- Semua anak yatim yang belajar di tingkatan lima di sekolah menengah bantuan penuh dan sekolah Kerajaan Negeri Pahang

SEDEKAD KONVOKESYEN IKIP

- 600 graduan lagi dilahirkan




17 November 2010 menjadi satu lakaran sejarah buat Kolej Antarabangsa IKIP keseluruhannya apabila berjaya menobatkan hampir 600 orang pelajar sebagai graduan sempena Majlis Konvokesyen IKIP 2010 sekaligus sambutan sedekad majlis tersebut bagi IKIP.

Graduan daripada lima sekolah pengajian yang ditawarkan di Kolej Antarabangsa IKIP dan program Pengajian Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), mendapat ijazah sarjana, ijazah, diploma dan sijil masing-masing daripada YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob.

Dalam ucapan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah IKIP Education. Sdn. Bhd., Dato' Dr. Abdul Monir Yaakob, menyatakan bahawa majlis ini merupakan satu perhimpunan rasmi untuk bersama-sama memberi pengesahan dan pengiktirafan kepada semua pelajar yang bergraduasi di samping tanda tamatnya satu proses pembelajaran dan pengajian terstruktur yang dilalui oleh setiap pelajar.



Dalam majlis tersebut juga menyaksikan lapan orang pelajar terbaik yang mewakili sekolah pengajian masing-masing menerima Anugerah Yayasan Pahang. Mereka adalah Khairun Nisa Mohd Arshad bagi Sekolah Antarabangsa dan Pengajian Siswazah (sarjana), Mardiah Shaharum (Ijazah) dan Syahrifatul Almas (Diploma) dari Sekolah Pengajian Islam, Iqlil Dhanial Mohamad dari Sekolah Pengajian Diploma, Shasma Nabila Mohamad Shah dari Sekolah Sains dan Teknologi (kerjasama dengan UTM), Noor Alyssa Ahmad Omar Villamor dari Sekolah Pengurusan dan Perniagaan (kerjasama dengan UiTM), Husin Othman dari Sekolah Seni Lukis dan Seni Reka (kerjasama dengan UiTM) dan Mohamad Iqbal Isa dari Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Sehingga 2010 Kolej Antarabangsa IKIP telah berjaya menghasilkan seramai 26,136 graduan iaitu 24,684 orang dalam bidang profesional sementara 1,452 graduan dalam bidang kemahiran. 

"IKIP sebagai sebuah institusi ilmu yang terlibat secara langsung dalam proses ketamadunan insan tidak boleh dinafikan lagi kewujudannya. Proses pembinaan keintelektualan anak muda yang bakal menerajui masa depan negara, sangat dibantu dengan penglibatan secara inklusif pihak Yayasan Pahang, penaja-penaja, ibu bapa malah masyarakat yang masih terus menyokong manifestasi IKIP," jelasnya lagi.



SEMINAR ANTARABANGSA:

Islam dan pendidikan tinggi

Perubahan-perubahan yang hebat dan pantas dalam aspek ekonomi, budaya dan politik adalah cabaran besar yang akan dihadapi oleh dunia pendidikan Islam dewasa ini. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa sejak dari dahulu lagi cabaran-cabaran tersebut telah wujud dan diperbincangkan di kalangan sarjana tetapi ianya dijangka lebih hebat dan kritikal dengan sumbangan teknologi yang baru.

Cabaran tersebut wujud sebagai penggugat terhadap aspek kerohanian, akhlak, sosial, politik, ekonomi, sains dan teknologi. Hasil Persidangan Pendidikan Nasional Ke-5 tahun 1997 menunjukkan dua cabaran besar alaf baru ialah ledakan ilmu yang berbentuk global dan masalah sosial yang perlu ditangani dan diatasi ke arah membentuk masyarakat madani. Beberapa agenda justeru dirasakan penting untuk membangun masyarakat Islam melalui sistem pendidikan tinggi; pertama ialah pembinaan budaya ilmu dan; keduanya ialah pembudayaan masyarakat.


Bertempat di *International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia*, bersamaan 8-9 November 2010 satu seminar antarabangsa mengenai Islam dan Pendidikan Tinggi telah diadakan. Seminar ini merupakan kolaborasi antara IAIS Malaysia, Yayasan Pahang, Kolej Antarabangsa IKIP, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, *International Institute of Islamic Thought (IIIT)*, *Al-Mustafa International Universiti*, Iran dan *Amin Research and Cultural Centre*. Seramai lebih 250 orang peserta seminar yang terdiri daripada para pensyarah dan pelajar universiti, guru-guru sekolah dan wakil-wakil jabatan serta organisasi dari dalam dan luar negara telah hadir ke seminar tersebut.

Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II mewakili YB Dato' Seri Mohammed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Turut hadir sepanjang sesi seminar ialah YH Dato' Hajjah Saariah Saad, Pengurus Besar Yayasan Pahang serta Ahli Lembaga Pengarah IKIP Education Sdn. Bhd.



Seminar hasil cetusan idea Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IAIS, Profesor Dr. Datuk Osman Bakar ini telah membincangkan tujuh tema oleh sembilan belas pembentang terkenal dari segenap pelosok dunia Islam seperti Indonesia, Filipina, Thailand, Republik Iran, Nigeria, Kazakhstan dan Tanzania. Mereka mewakili Intitusi-institusi Pendidikan Tinggi di negara masing-masing. Fokus pembentangan banyak tertumpu kepada cabaran dan idea untuk pembentukan model pendidikan tinggi menuju abad ke-21. Fokus ini sangat bersesuaian dengan tuntutan abad ke-21 yang berlandaskan kepada tuntutan Wawasan 2020 dan Wawasan Pendidikan negara kita. Selari dengan tuntutan-tuntutan tersebut, penyediaan sumber manusia berkualiti hendaklah dihasilkan oleh sistem pendidikan itu sendiri.

Hasil seminar ini telah berjaya menggariskan ciri-ciri generasi yang hendak dilahirkan untuk mewarisi alaf baru akan datang iaitu kaya maklumat (termasuk sains dan teknologi), kekuatan minda (kreatif dan proaktif), nilai-nilai luhur dan murni (termasuk penyayang), semangat jati diri, jaya diri, keusahawanan, dan ketrampilan.

Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob ketika berucap pada majlis perasmian penutupan menyifatkan seminar ini sebagai satu kejayaan besar kepada bidang pendidikan tinggi dunia Islam. Ianya diharap dapat meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang pengajaran, penyelidikan, pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah serta dakwah yang bakal membabitkan Malaysia dan negara-negara Islam lain. 



IMBASAN YAYASAN PAHANG



Majlis Perasmian Penubuhan Yayasan Pahang

1982



Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan PMR

2002



The 5th Asian Academy of Management

2003



Kolokium Pendidikan

2003



Wacana Pendidikan bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad

2005



English Camp

2005



Keberangkatan KDYTM Tengku Mahkota Pahang ke Maahad Tahfiz Negeri Pahang

2006



Majlis Pelancaran Akhbar KOSMO

2006



Majlis Perasmian Kompleks Yayasan Pahang dan Sambutan Jubli Perak

2007

2010 TAHUN PENGIKTIRAFAN Yayasan Pahang



Sijil Penghargaan Program Total Quality Management (TQM) daripada SIRIM Berhad



Anugerah Tokoh Korporat daripada UiTM



Sijil Penghargaan Pelesen Contoh daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang



Multaqa Institusi Tahfiz Peringkat Kebangsaan

2009



Program Mubarak bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad

2010



Majlis Makan Malam Mubarak

2010

PENCAPAIAN-PENCAPAIAN YAYASAN PAHANG DAN SYARIKAT KUMPULAN YAYASAN PAHANG

Yayasan Pahang:

- Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam pada tahun 1992;
- Johan Pertandingan Laman Web Peringkat Negeri pada tahun 2001;
- Anugerah Penghargaan oleh Jawatankuasa Wang Negeri Pahang pada tahun 2001;
- Sijil MS ISO 9001:2000 pada tahun 2003;
- Sijil MS ISO 9001:2008 pada tahun 2009;
- Tuan Rumah dan Juara Keseluruhan Pesta Sukan Antara Yayasan Se-Malaysia Ke-10 (PESAYA X) pada tahun 2009;
- Anugerah Maal Hijrah Peringkat Negeri Pahang Bagi Kategori Badan Berkanun Negeri pada tahun 2009;
- Pengiktirafan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berasaskan Indeks Akauntabiliti (AI) daripada Jabatan Audit Negara.

YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. (YPPH):

- Sijil Penghargaan 'Guidelines For The Implementation of the Asean Policy on Zero Burning' pada tahun 2004;
- Certificate of Competency (MPOB) - Oil Palm Nursery pada tahun 2004;
- Sijil MS ISO 9000:2001 untuk Ladang Endau-Rompin pada tahun 2007;
- Sijil MS ISO 9000:2001 untuk Ladang Gambang pada tahun 2008.

Kolej Antarabangsa IKIP (IKIP):


- Sijil MS ISO 9001:2000 pada tahun 1998;
- Status MSC daripada Multimedia Development Corporation (MDC) pada tahun 2004;
- Malaysia Book of Records - 'Longest Readthon' pada 30 Jun - 4 Julai 2004;
- Kolej Bersekutu Terbaik UiTM pada tahun 2007;
- Juara Pertandingan Taylor's Regional Business Skills and Business Innovation pada tahun 2009;
- Sijil MS ISO 9001:2008 pada tahun 2009.

Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP):

- Tempat Pertama di antara Maahad-maahad Tahfiz Negeri dalam pencapaian kecemerlangan akademik pada tahun 2008;
- Johan Lelaki & Perempuan Pertandingan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Pahang pada tahun 2008;
- Johan Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris Sekolah-Sekolah Peringkat Negeri Pahang pada tahun 2009;
- Tempat pertama di antara Maahad-maahad Negeri di dalam pencapaian kecemerlangan akademik pada tahun 2008;
- Tuan Rumah Multaqa Institut Tahfiz Kebangsaan pada tahun 2009.



Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



Sijil Majlis Bersama Jabatan (MBJ) daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

DASAR KOLEJ ANTARABANGSA IKIP

dikagumi pakar polisi Afghanistan



Pakar-pakar polisi Afganistan mengkagumi Kolej Antarabangsa IKIP dan menjadikannya institusi contoh kepada sebuah negara dunia ke-3 bagi pelaksanaan sistem pendidikan swasta, atau lebih sesuai dijadikan sebagai model untuk diaplikasikan di dalam sistem pendidikan mereka.

Ketua delegasi lawatan, Pengarah Jabatan Perhubungan Tinggi Parlimen, Agha Mohammed Fayez berkata, pemilihan Kolej Antarabangsa IKIP adalah berdasarkan kepada pencapaian dan keupayaannya bertahan lebih 15 tahun dalam arena pendidikan swasta di Malaysia.

Antara yang dikagumi kumpulan delegasi itu adalah kemampuan IKIP mengendalikan program-program kerjasama dengan universiti-universiti luar negara. Universiti Yarmouk, Jordan misalnya, menjalin kerjasama dengan Kolej Antarabangsa IKIP sejak 2005 dan terus melonjakkan nama IKIP sebagai antara kolej swasta yang memegang Kuliyyah Islamic di timur tengah. Selain itu, IKIP pernah menjalin kerjasama dengan badan profesional seperti LCCI, CIM dan MAICSA, selain Universiti Edith Cowen dan Universiti South Australia, Australia.



Di samping itu, Agha Mohammed Fayez turut melahirkan rasa kagum terhadap pelajar-pelajar Kolej Antarabangsa IKIP yang terdiri dari pelbagai kaum, termasuk kaum peribumi membuat persembahan pelajar-pelajar yang baginya adalah sesuatu yang sangat istimewa.

Selain akademik, Kolej Antarabangsa IKIP berjaya menerapkan pembangunan sahsiah dan rohani dan apa yang paling penting adalah siswazah keluaran kolej ini lebih bersedia untuk menerokai bidang masing-masing.

Misi lawatan itu telah diusahakan oleh Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA) di bawah Universiti Malaya dengan objektif untuk menyalurkan pengalaman polisi awam dan pengurusan dengan negara luar, khususnya dalam membantu membina pembinaan dasar-dasar awam, selain memberi kefahaman dan berkongsi pengalaman dengan pegawai kanan Afghanistan mengenai peranan kerajaan dan sektor swasta Malaysia dan keberkesanan polisi awam dalam pembangunan sosio ekonomi dan politik dalam konteks sistem persekitaran Malaysia. Lawatan itu turut disertai Pengarah INPUMA, Profesor Madya Dr. Sharifah Mariam Alhabshi.

IKIP PERKUKUH KURIKULUM PENUHI KEHENDAK INDUSTRI

Usaha penambahbaikan kurikulum sememangnya dipandang positif bagi memastikan kurikulum yang diajar selaras serta menepati kehendak industri yang bakal menerima graduan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi di negara ini.

Sehubungan itu, IKIP International College (IKIP) dengan inisiatifnya telah mengadakan program *Round Table Dialogue* di antara pihak akademik dan industri bagi memastikan kualiti graduan kolej itu setanding dengan institusi pengajian tinggi yang lain.

Penganjuran program berkenaan bertujuan memberi penambahbaikan kurikulum khusus bagi program Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa), Diploma Kejuruteraan Komputer dan Diploma Kejuruteraan Telekomunikasi yang mana merupakan program dalaman kolej itu.

Melalui dialog yang diadakan itu, seramai empat orang panel dari pihak kerajaan dan swasta telah dijemput bagi berbincang dan berkongsi maklumat terkini khususnya bidang kejuruteraan. Sesi soal jawab juga turut diselitkan bagi berkongsi idea dan pengalaman menurut bidang masing-masing.

Kesemua panel memuji silibus pengajian IKIP bagi program kejuruteraan yang komprehensif serta memenuhi kehendak industri. Beliau menyarankan pelajar membiasakan diri mengendalikan peralatan berkaitan yang bersesuaian industri dan menghasilkan laporan teknikal agar tidak kekok semasa bekerja kelak.

Selain itu, kesemua panel juga amat bersetuju jika semua pelajar diberi penekanan terhadap teknik-teknik menghasilkan laporan amali makmal yang lebih dikenali sebagai *technical reporting* supaya pelajar tidak berasa kekok apabila berada dalam industri.

Program selama sehari yang bertempat di Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan itu juga turut dihadiri oleh Presiden Kolej Antarabangsa IKIP, Encik Abu Bakar Hashim, Naib Presiden Akademik Kolej Antarabangsa IKIP, Encik Airulamri Amran, Pengarah Program Sekolah Sains dan Teknologi IKIP-UTM, Encik Zamri Ibrahim serta pensyarah-pensyarah bidang kejuruteraan yang terlibat.



MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG

ungguli pencapaian PMR 2010




Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) telah mencatatkan sejarah dua tahun berturut-turut apabila 81 peratus pelajarinya berjaya mendapat keputusan A dalam semua mata pelajaran dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2010.

Pencapaian ini sekaligus meletakkan MTNP dalam ranking ke-10 di peringkat kebangsaan iaitu daripada 2,248 sekolah menengah di seluruh negara dan ranking kedua selepas Kolej Yayasan Saad, Melaka bagi kategori sekolah di luar Kementerian Pelajaran/Sekolah Swasta.

Menurut Pengarah MTNP, Dato' Haji Zulkifli Md Ali Al-Hafiz, seramai 22 calon berjaya memperolehi keputusan 9A berbanding 27 yang mengambil peperiksaan tersebut pada tahun lalu.

"Peratus kecemerlangan 2010 ini meningkat iaitu 81% bagi tahun 2010 berbanding 68% tahun sebelumnya. Lima mata pelajaran mencatatkan kelulusan 100% iaitu bahasa Melayu, sejarah, matematik, pendidikan Islam dan kemahiran hidup bersepadu.

Pencapaian minimum bagi setiap mata pelajaran adalah gred B. Secara keseluruhannya MTNP berjaya muncul sebagai sekolah terbaik dari sudut pencapaian kualiti pelajar dengan gred purata skor (GPS) 1.04 mengatasi sekolah-sekolah awam yang lain," katanya.

Sementara itu pelajar peringkat diploma MTNP juga mengungguli peperiksaan diploma Tafiz Al-Quran sesi Mei – September 2010 apabila 23 atau 71.9 % daripada 32 orang berjaya memperolehi gred sangat cemerlang (imtiаз). Pencapaian ini sekali gus meletakkan MTNP di kedudukan tangga teratas paling ramai mendapat imtiаз dalam senarai maahad-maahad tahfiz di seluruh negara. 

Info PMR 2009

SEKOLAH-SEKOLAH TERBAIK

Sekolah Harian

1. SMK Jalan Empat, Bandar Baru Bangi
2. SMK Mak Lagam, Kemaman
3. SMK Sultan Badlishah, Kulim
4. SMK Aminuddin Baki, Kuala Lumpur
5. SMK Sultanah Asma, Alor Setar
6. SMK Derma, Kangar
7. Sekolah Tinggi Kluang
8. SMK Abdul Rahman Talib, Kuantan
9. SMK Perempuan St. George, Pulau Pinang
10. SMK Seri Kenangan, Buloh Kasap

Sekolah Berasrama Penuh

1. Sek. Seri Puteri, Cyberjaya
2. Sek. Tun Fatimah, Johor Bahru
3. Sek. Dato Abdul Razak, Seremban
4. Kolej Tunku Kurshiah, Seremban
5. SM Sains Tengku Abdullah, Raub

Sekolah Menengah Agama

1. SM Imtiaz Besut
2. SMK Agama Bestari, Subang Jaya
3. SM Agama Persekutuan Labu
4. SM Imtiaz Kuala Berang
5. SM Agama Persekutuan Kajang, Hulu Langat

Sekolah di luar Kementerian

Pelajaran/ Sekolah Swasta

1. Kolej Yayasan Saad Melaka
2. **Maahad Tahfiz Negeri Pahang, Kuantan**
3. MRSM Serting, Jempol
4. MRSM Pasir Tumbuh
5. MRSM Gerik

* Utusan Malaysia, 26 Disember 2009

PENCAPAIAN PANGKAT IMTIAZ DIPLOMA SEMESTER 1,3 & 5 ANTARA MTQ NEGERI & DARUL QURAN


NEGERI	BIL. PELAJAR	BIL. IMTIAZ	%
PAHANG	32	23	71.9
NEGERI SEMBILAN	84	27	32.1
JOHOR	32	7	23
DARUL QURAN	365	76	17
IQ T'GANU	58	8	16
KELANTAN	48	3	4
SABAH	19	1	3
PERAK	28	1	0
MELAKA	20	0	0
PERLIS	17	0	0
INSPI T'GANU	8	0	0
P.PINANG	5	0	0

MTNP terima kunjungan pelawat antarabangsa



Pencapaian Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP) dalam pelbagai bidang kurikulum dan kokurikulum di peringkat negeri mahupun kebangsaan telah menjadikannya antara institusi hafazan Al-Quran unggul yang menjadi perhatian kini.

Sistem pembelajaran, prasarana serba moden dan suasana pembelajaran yang kondusif dalam memartabatkan Al-Quran di mata dunia mendapat perhatian Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Profesor Dato' Dr. Omar As-Saggaf. Beliau mengadakan lawatan untuk bertukar-tukar fikiran dengan pengurusan MTNP pada September lalu. Lawatan beliau ini diharap dapat menjalin kerjasama erat khususnya pelajar yang sedang dan akan melanjutkan pengajian ke Mesir.

Sementara itu, MTNP juga menerima kunjungan 90 pelajar Islamic Boarding School of Ruhul Islam Amah Bangsa – Anak Bangsa dari Aceh. Rombongan ini berhasrat untuk melihat dengan lebih dekat lagi operasi harian MTNP selain merapatkan ukhwah di antara kedua-dua institusi. 



2011

Tahun inovasi, produktiviti dan kualiti kepada transformasi YPPH



YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. (YPPH) telah menetapkan inovasi, produktiviti dan kualiti sebagai teras kepada transformasi syarikat ke arah yang lebih cemerlang pada tahun 2011.

Demikian penekanan yang diberikan oleh Pengurus Besar syarikat itu, Encik Kamaruddin bin Koskani Abdul Hamid kepada semua pengurusan dan kakitangannya dalam ucapan tahun baru di Kuantan, baru-baru ini.


“Kita perlu sentiasa mencipta inovasi, kreatif dan interaktif dengan nilai ekonomi yang signifikan agar dapat memberi pulangan yang maksimum kepada syarikat. Ini sudah tentu memerlukan semua lapisan pengurusan bekerja lebih cekap dan telus dengan mengamalkan system ISO 9001-2008 dan *Good Agriculture Practice* (GAP) bagi meningkatkan produktiviti agar daya saing YPPH tidak terjejas.

“Kesemua ini penting kerana YPPH adalah penyumbang utama kepada dana bantuan pendidikan Yayasan Pahang untuk membiayai kesemua aktiviti pendidikan anak-anak Pahang,” katanya.

Encik Kamaruddin seterusnya menggesa warga kerja YPPH agar memiliki nilai-nilai murni – jujur, bertanggungjawab, berwawasan, berdisiplin, bekerjasama, adil dan prihatin dengan menjadikan kerja sebagai suatu ibadah dan keberkatan daripada Allah swt.

“Pencapaian syarikat adalah menggalakkan kerana kita telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Syarikat berbangga dengan kejayaan ini dan usaha yang telah ditunjukkan oleh semua kakitangan dalam mencapai sasaran. Saya amat menghargai usaha gigih yang telah ditunjukkan oleh semua kakitangan di ladang matang dan berharap pada tahun 2011 rezeki YPPH akan bertambah makmur.”

“Kita juga amat berterima kasih di atas sokongan padu yang diberikan Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar, Dato’ Sri Diraja Haji Adnan Yaakob dan Yayasan Pahang kepada YPPH selama ini dan akan berusaha lebih gigih lagi pada tahun ini bagi meningkatkan lagi prestasi syarikat,” katanya mengakhiri ucapan.

Majlis ringkas itu turut diserikan dengan penyampaian hadiah cemerlang selain pelbagai persembahan menarik daripada warga kerja YPPH. 

Peningkatan kutipan

bayaran balik pinjaman pendidikan Yayasan Pahang

Bayaran balik pinjaman pendidikan YP telah menyaksikan peningkatan kutipan yang sangat baik bagi tahun berakhir 2010. Sebanyak RM13 juta berjaya dikutip pada tahun 2010 berbanding RM9.6 juta pada tahun 2009.

Peningkatan sebanyak 35% ini adalah berkat pakatan strategik yang baik selain kerjasama yang efisien daripada semua pihak yang terlibat dengan pengurusan bayaran balik pinjaman Yayasan Pahang khususnya peminjam-peminjam pendidikan.

Sehubungan itu, pada tahun ini Yayasan Pahang akan memperhebatkan lagi usaha mengutip bayaran balik pinjaman pendidikan termasuk menggandakan usaha penghantaran notis dan saman terhadap peminjam-peminjam ingkar.

Pada ketika ini, Yayasan Pahang menawarkan diskaun sebanyak 15% daripada jumlah baki pinjaman kepada peminjam yang membayar balik sekaligus pinjaman pendidikan masing-masing.

Usaha ini diharap dapat meningkatkan lagi jumlah bayaran balik pinjaman pendidikan agar berterusan menyumbang kepada dana bantuan pendidikan untuk kegunaan pelbagai program pendidikan anak-anak Pahang.


Yayasan Pahang telah menyediakan pelbagai cara untuk memudahkan peminjam-peminjam membayar balik pinjaman pendidikan. Antaranya adalah seperti di bawah:

Tahun	Jumlah Kutipan RM (Juta)
1983	-
1984	0.03
1985	0.06
1986	0.14
1987	0.13
1988	0.15
1989	0.19
1990	0.26
1991	0.37
1992	0.54
1993	0.74
1994	0.88
1995	0.96
1996	1.05
1997	1.12
1998	1.51
1999	1.35
2001	2.20
2002	2.91
2003	2.52
2004	3.66
2005	6.78
2006	7.81
2007	7.45
2008	9.93
2009	9.61
2010	13.00
Total	76.88

CARA-CARA MEMBAYAR BALIK PINJAMAN Pendidikan Yayasan Pahang

- **Tunai** (bayaran di kaunter Yayasan Pahang)
- **Cek/Kiriman Wang Pos/Wang Pos** atas nama TAPEN atau Tabung Pendidikan dan Kebajikan Yayasan Pahang. Sila tuliskan nama dan nombor kad pengenalan dengan lengkap di belakang cek/Wang Pos.
- **Potongan gaji melalui majikan** (borang boleh didapati di kaunter Yayasan Pahang atau di laman web Yayasan Pahang – www.yp.org.my)
- **Perbankan internet** www.maybank2u.com atau www.cimbclicks.com.my (bagi pemegang akaun Maybank dan CIMB sahaja)
- **Pos Malaysia Berhad** – No. akaun :0601-0725226-05-5(di kaunter pejabat pos atau PosOnline)

Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan Yayasan Pahang 1983 - 2010





Y2Y Program baru latih peneraju syarikat-syarikat terkemuka negara

Modal insan yang kreatif, inovatif, berilmu, matang dan seimbang adalah penting dalam mendukung transformasi negara yang sedang bergerak ke arah negara maju dan membangun menjelang tahun 2020.

Menyedari hal ini, maka Yayasan Pahang selaku agensi yang menyediakan sumber tenaga manusia di negeri Pahang telah mempelbagai usaha melalui program-program bertujuan untuk menjadi *feeder* kepada pembangunan negara.

Sehubungan itu, Yayasan Pahang dengan kerjasama Yayasan Universiti Multimedia (YUM) dan Yayasan Telekom Malaysia (YTM) telah menjalinkan kerjasama mewujudkan program kolaborasi yayasan bersama yayasan (Y2Y).

Program yang dirangka khas ini akan menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar cemerlang anak Pahang tajaan Yayasan Pahang melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Multimedia dalam bidang perakaunan, kejuruteraan, perundangan dan teknologi maklumat.

Pelajar-pelajar cemerlang akademik serta mempunyai bakat kepimpinan dipilih bagi menyertai Program Y2Y dan pelajar ini akan didedahkan dengan program 'CEO Incubator Programme' (CIP) dan *i-Smart*.

Di samping memperolehi ijazah pertama, mereka ini dilatih menjadi ketua atau pemimpin yang berkaliber di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Selain Yayasan Pahang, pelajar akan ditaja secara bersama oleh YUM dan YTM.



Pada peringkat permulaan, 4 pelajar program Y2Y telah dipilih untuk mengikuti program kepimpinan dan pertukaran pelajar ke Bandung, Indonesia. Program dengan kerjasama Yayasan Pendidikan Telekom Bandung (YPT) itu telah diadakan pada November lalu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai budaya dan kehidupan masyarakat di Bandung. Selain itu pelajar juga disediakan dengan pelbagai program motivasi bertujuan meningkatkan kecemerlangan akademik.



MB RASMI Loaf Doughnut

Kafeteria Loaf Doughnut telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob pada 18 Mac lalu.

Terletak di Tingkat Bawah Kompleks Yayasan Pahang, kafeteria ini diuruskan oleh anak syarikat Yayasan Pahang, IKIP Advanced Skills Centre (IASC). Kafeteria yang mula beroperasi pada 8 Februari 2010 ini menyediakan pelbagai jenis hidangan iaitu donat, sandwich, pelbagai jenis roti dan kek, salad serta hidangan barat yang lain.


IASC menjalankan pelbagai program bidang kemahiran peringkat pensijilan hingga diploma termasuklah bidang penyediaan makanan dan produk bakeri/pastri.

IASC telah memulakan pelbagai program kemahiran dan hospitaliti sejak tahun 1998. Dalam tempoh tersebut, seramai 3,000 orang pelatih telah dilatih menguasai pelbagai bidang kemahiran sekaligus memberi peluang kedua kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berminat melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran.

Antara program-program yang ditawarkan oleh IASC adalah automotif, rekaan fesyen, perladangan dan teknologi maklumat, penyediaan makanan, perkhidmatan makanan, bakeri/pastri, amalan penginapan dan penyambut tetamu.

Lanjutan daripada program penyediaan makanan dan produk bakeri/pastri, Kafeteria Loaf Doughnut telah diwujudkan bertujuan:

- Meluaskan program latihan melalui pengalaman dan pengendalian perniagaan.
- Menawarkan pengendalian pengalaman kafeteria berlandaskan konsep *Blue Ocean Strategy* kepada pelatih-pelatih.
- Membangunkan program francais kepada pelatih bagi melahirkan usahawan.
- Meluaskan produk-produk bakeri yang dihasilkan oleh IASC.
- Istimewanya kafeteria Loaf Doughnut ialah ia turut mengamalkan amalan sihat iaitu antaranya:
 - Tidak menggunakan bahan pengawet
 - Mesra alam sekitar (katakan tidak kepada plastik)
 - Kandungan dan pembuatannya adalah halal
 - Bersih dan segar

Pembukaan kafeteria ini adalah inisiatif untuk meluaskan program latihan melalui pengalaman, pengendalian perniagaan dan membangunkan program francais bagi melahirkan usahawan produk-produk bakeri bukan sahaja di dalam negara bahkan hingga ke peringkat antarabangsa. 



RESENSI BUKU

Datuk Sri Najib: Liku-Liku Perjalanan Politik

Penulis : Paridah Abd Samad (2010)

Terbitan : Partisan Publication, Kuala Lumpur

Penulisan buku berbentuk biografi bukanlah suatu kerja mudah; apatah lagi sekiranya tokoh yang hendak dirakamkan itu merupakan seorang pemimpin terkenal malah yang masih hidup. Penerbitan buku *Datuk Sri Najib: Liku-Liku Perjalanan Politik* sangatlah dialu-alukan oleh peminat politik tanah air dengan itu menambahkan sebuah lagi buku berbentuk biografi tentang Perdana Menteri Malaysia Keenam, yang dianggap oleh penulis buku ini sebagai 'seorang anak emas politik negara'.

Pengiktirafan kepimpinan Datuk Sri Najib (DSN) sebagai ketua negara, menurut penulis, merupakan respon kepada seruan ke arah proses peralihan kuasa politik selepas lebih setahun berhadapan dengan 'tsunami demokrasi' yang diinspirasi oleh pihak pembangkang.

DSN dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia Kesembilan, 47 tahun selepas ayahanda beliau dilantik menjawat jawatan yang sama pada 1957. Beliau dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia Keenam pula, 39 tahun selepas ayahanda beliau dilantik ke jawatan Perdana Menteri Malaysia Kedua pada 1970.


Banyak pihak menganggap kebangkitan DSN dan kecemerlangannya dalam politik memang telah ditakdirkan.

Sesungguhnya pelantikan DSN ke jawatan kedua tertinggi negara itu bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Beliau merupakan ahli kabinet paling kanan dan telah menerima undian tertinggi bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO dalam dua pemilihan parti berturut-turut iaitu pada 1996 dan 2000.

Boleh dikatakan laluan perjuangan politik beliau sentiasa licin dan mulus, kecuali beliau pernah menerima kejutan besar dalam Pilihan Raya Umum 1999 dengan mendapat majoriti tipis sebanyak 241 undi bagi kerusi Parlimen Pekan. Penulis buku ini berpendapat bahawa keputusan 1999 itu adalah satu kejutan, memandangkan beliau selalunya menang dengan majoriti besar iaitu 10,000 atau lebih sebelum ini.

Antara 'perjuangan' pertama yang dibawa oleh DSN sebagai Perdana Menteri Malaysia Keenam ialah Konsep 1 Malaysia. Konsep yang bermatlamat mengukuhkan perpaduan dalam keadaan kepelbagaian sebagai sumber kekuatan negara pantas menjadi terkenal selepas DSN mengumumkannya sebagai falsafah perpaduan negara sebaik sahaja menjadi Perdana Menteri Malaysia pada April 2009. Pelaksanaan konsep ini dilakukan dengan mengasimilasikan unsur-unsur berteraskan perpaduan berpaksikan prinsip penerimaan antara kaum dan rakyat, kenegaraan berdasarkan kepada perpaduan negara dan Rukun Negara serta keadilan sosial.

Di sebalik perbezaan kaum dan budaya, DSN mengharapkan rakyat berkongsi harapan dan cita-cita untuk mendapatkan peluang yang lebih luas dan penghormatan yang lebih tinggi dalam suasana persahabatan yang baik demi masa depan negara. Rakyat diharapkan akan berfikir dan bertindak sebagai rakyat Malaysia berdasarkan kepentingan setiap kumpulan etnik.



Di sebalik perbezaan kaum dan budaya, DSN mengharapkan rakyat berkongsi harapan dan cita-cita untuk mendapatkan peluang yang lebih luas dan penghormatan yang lebih tinggi dalam suasana persahabatan yang baik demi masa depan negara. Rakyat diharapkan akan berfikir dan bertindak sebagai rakyat Malaysia berdasarkan kepentingan setiap kumpulan etnik.

DSN percaya kepelbagaian kaum dan agama negara adalah satu rahmat dan bukannya satu malapetaka tetapi dengan satu syarat untuk menikmati rahmat tersebut. Bagi beliau, perbincangan mengenai isu sensitif mesti ditangani dengan berhati-hati secara tertutup, kerana perkara itu adalah satu isu yang sangat emosional berkaitan dengan maruah dan sentimen bangsa. Setiap kali isu ini dibangkitkan, pasti akan ada pihak yang merasakan hak mereka sedang diancam.

Sebagai ahli Parlimen dari Pahang, penulis juga mencatatkan perhatiannya terhadap pelbagai kesan positif yang mungkin diperolehi oleh negeri ini hasil daripada pelantikan DSN sebagai Perdana Menteri. Disebutkan bahawa hubungan baik sekian lama di antara Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob dengan DSN tanpa ragu lagi telah membawa banyak faedah kepada rakyat Pahang. Ambil sahaja misalnya – masih menurut penulis lagi – usaha yang dilakukan oleh DSN menarik pelabur asing ke negeri Pahang, terutama sekali kawasan Parlimen beliau iaitu Pekan. Walau bagaimanapun, DSN pernah berikrar, sekalipun Pahang mengambil tempat yang istimewa di dalam hati beliau, negeri-negeri lain tidak akan diabaikan. Demikian Bernama melaporkan pada 1 Julai 2008.

Paridah Abd Samad membahagikan kandungan buku baharunya ini kepada 22 bab, dengan satu bab epilog sebagai bab terakhir. Pembahagian dan penyusunan bab-bab tersebut dibuat secara teliti dan amat relevan.

Teks asal buku ini ditulis dan diterbitkan dalam bahasa Inggeris, sebelum diterjemah oleh Asri Salleh dan diterbitkan oleh penerbit yang sama. Sebagai penerjemah yang cukup berpengalaman, Asri dapat merakamkan isu hati penulis asal ke dalam bahasa yang kedua dengan penuh cermat dan profesional.

Bagi saya, peminat dan pengkaji politik tanah air – apatah lagi mereka yang bercadang untuk menjadi pemimpin politik – sangatlah wajar membaca buku ini dan buku-buku biografi tentang idealisme dan pemikiran tokoh-tokoh pemimpin lain, demi menyediakan diri mereka sebagai ahli politik yang efisien dan efektif.

- Oleh Dato' Haji Yaakub Isa



Sambutan Sedekad **MAMPAN**

Sambutan ulang tahun ke-10 atau sedekad Majlis Mahasiswa Anak Pahang (MAMPAN) telah diadakan di Dewan Tun Canselor, Universiti Multimedia, Cyberjaya pada Mac lalu. Seramai 2,000 orang anak-anak Pahang dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta seluruh negara berhimpun untuk beramah mesra dengan pemimpin-pemimpin negeri dan ahli-ahli akademik.

Dalam majlis tersebut juga diadakan ceramah motivasi oleh penceramah jemputan yang berpengalaman dalam bidang masing-masing iaitu Tan Sri Ibrahim Abu Shah, mantan Naib Presiden Universiti Teknologi Mara (Uitm) dan Profesor Dato' Dr Sheikh Omar Abdul Rahman, mantan Pengarah Perancangan Korporat Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sambutan Sedekad MAMPAN telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob yang turut melancarkan *facebook* beliau. 

JAWATANKUASA MAJLIS KERJA M A M P A N SESI 2010/2011

PRESIDEN

Mohd Norfarhan bin Mohd Mustafa
Universiti Malaysia Pahang
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

TIMBALAN PRESIDEN

Muhammad Syafiq bin Abdullah
Universiti Sultan Zainal Abidin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

NAIB PRESIDEN I

Zulfadli bin Mohamed
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Fakulti Teknik dan Vokasional

NAIB PRESIDEN II

Syed Hasnur Aidid bin Hadzarmi
Universiti Sains Islam Malaysia
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

NAIB PRESIDEN III

Abdul Rahman bin Ramly
Universiti Utara Malaysia
Fakulti Pembangunan Sosial dan Masyarakat

SETIAUSAHA AGUNG

Nor Adila binti Said
Universiti Malaysia Pahang
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli

SETIAUSAHA KERJA

Mohd Zahid bin Zulkefly
Universiti Malaya
Fakulti Akademi Pengajian Islam

BENDAHARI

Mastura binti Bahari
Universiti Sains Malaysia
Fakulti Ilmu Pendidikan





KEJOHANAN KARNIVAL SUKAN MAMPAN

– usaha lahirkan mahasiswa tangkas, cerdas

Sukan adalah satu kaedah untuk membina peribadi mulia di setiap peringkat umur dalam masyarakat. Tidak terkecuali mahasiawa dan mahasiswi yang merupakan pewaris negara bangsa pada masa akan datang.

Dengan mengambil kira nilai-nilai positif yang dapat diterapkan dalam sukan, Majlis Mahasiswa Anak-Anak Pahang (MAMPAN) di bawah seliaan Yayasan Pahang, telah menganjurkan Karnival Sukan MAMPAN 2010 pada akhir Disember lalu. Bertempat di Universiti Malaysia Pahang (UMP), karnival sukan ini membabitkan penyertaan seramai lebih kurang 300 orang mahasiswa dan mahasiswi anak Pahang dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dari seluruh Malaysia.

Majlis Perasmian Penutupan Karnival Sukan MAMPAN ini telah disempurnakan oleh YH Dato' Hajjah Saariah Bt. Saad, Pengurus Besar Yayasan Pahang yang mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.


Dalam ucapan penutupan tersebut Dato' Hajjah Saariah berkata MAMPAN yang telah sedekad usia penubuhannya telah menjadi kebanggaan kepada Kerajaan Negeri dan Yayasan Pahang kerana telah mampu mengukuhkan perpaduan di kalangan mahasiswa anak-anak Pahang di institusi-institusi pengajian tinggi seluruh negara.

"Ilham penubuhan yang dicetuskan oleh YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob pada tahun 1999 itu telahpun berjaya mewujudkan tiga jaringan atau *tri-partite* yang mantap antara mahasiswa dengan barisan kepimpinan kerajaan dan masyarakat umum di negeri ini," katanya

Dato' Hajjah Saariah berharap mahasiswa menggunakan platform yang disediakan oleh Yayasan Pahang seperti program kemasyarakatan, pengurusan organisasi, keusahawanan, konvensyen mahasiswa dan wacana pendidikan mahupun sukan untuk mendapat pendedahan ilmu pengurusan dan menambah nilai tambah diri masing-masing.

"Bertepatan dengan tema kejohanan sukan pada kali ini – cerdas dan tangkas, saya berharap agar anak-anak pelajar sentiasa bersedia dengan setiap cabaran. Aspirasi kerajaan untuk melahirkan modal insan yang lengkap dan ideal – yang memiliki kemahiran berfikir, berani berhujah, mencintai ilmu, cergas fizikal, cerdas minda, berfikiran kreatif dan inovatif. Kesemua ini adalah penting dalam mendokong transformasi negara yang sedang bergerak ke arah menjadi negara maju dan membangun menjelang 2020 nanti."

"Begitu juga semangat juang, semangat berpasukan dan semangat bersaing yang dipupuk sepanjang kejohanan sukan ini hendaklah sentiasa dikekalkan bukan sahaja di gelanggang sukan tetapi juga di gelanggang akademik, makmal penyelidikan, ujian peperiksaan dan pentas-pentas pertandingan yang lain," katanya mengakhiri ucapan.

Pada majlis tersebut, Dato' Hajjah Saariah turut menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang bagi setiap kategori sukan yang dipertandingkan iaitu futsal, boling, bola tampar dan *explorace*. 



PERUTUSAN Tahun Baru 2011

Pengurus Besar Yayasan Pahang

PENGURUS BESAR YAYASAN PAHANG, Yang Hormat Dato' Hajjah Saariah bte Saad, di dalam Perutusan Tahun Baru 2011, telah menekankan kepentingan menguasai ilmu pengetahuan di dalam sesebuah organisasi mampu menjamin kecekapan sistem pengurusan dan pentadbiran.

Beliau juga menggariskan empat nilai asas ke arah budaya kerja cemerlang supaya diterapkan di dalam jiwa setiap kakitangan untuk menjadikan Yayasan Pahang sebuah organisasi yang mantap. Nilai-nilai yang dimaksudkan adalah:

- Nilai 1 - Berfikiran kreatif dan inovatif;
- Nilai 2 - Bertindak pantas, tepat dan berkesan dalam membuat keputusan dan tindakan;
- Nilai 3 - Berhemah dalam berbelanja (*value for money*);
- Nilai 4 - Berintegriti

Selain itu katanya, nilai-nilai luhur sedia ada yang telah dipupuk iaitu siddiq, tabligh, amanah dan fathonah (S.T.A.F), sudah pasti akan menjadikan kakitangan Yayasan Pahang individu yang lengkap pakejnya dari aspek mental, rohani dan fizikalnya.

Dato' Hajjah Saariah dalam ucapan tersebut juga menyatakan bahawa Yayasan Pahang telah memperuntukkan RM61.5 juta untuk aktiviti pendidikan dengan peningkatan sebanyak RM6.5 juta (12%) berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah itu RM19.3 juta adalah untuk biasiswa, RM28.5 juta pinjaman sementara RM13.7 juta untuk program-program kecemerlangan pendidikan.



Hadir sama mendengar Perutusan Tahun Baru Yang Hormat Pengurus Besar Yayasan Pahang adalah Pengurusan Kanan, pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan Yayasan Pahang. Ia diserikan lagi dengan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada 13 pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat lebih 10 tahun di Yayasan Pahang.

Program Perutusan ini juga turut ditambah nilainya dengan program Ceramah Khas bertajuk "Penyucian Jiwa Meningkatkan Kualiti Kerja" yang disampaikan oleh YBhg Haji Zahazan bin Mohamed, Ketua Pengarah Eksekutif Telaga Biru Sdn. Bhd., yang dihadiri lebih 500 pegawai dan kakitangan daripada anak-anak syarikat.



Berita baik untuk peminjam-peminjam pinjaman pendidikan Yayasan Pahang.

Diskaun 15% diberikan kepada peminjam yang membuat bayaran baki pinjaman sekali gus.

Sila hubungi Unit Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan Yayasan Pahang di talian **09-518 1800** (Puan Zarinah / Ustaz Abdul Razak / Puan Rozana) untuk maklumat lanjut.



DISKAUN
15%*

**Tertakluk Kepada Terma & Syarat*

Bayaran Balik
Pinjaman Pendidikan



Yayasan Pahang,
Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur,
26060 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Tel : 09 - 518 1800 | Faks : 09 - 518 1888 | Web : www.yp.org.my | Email : ypahang@yp.org.my

IKIP



IKIP

DIPLOMA PERAKAUNAN KPT/JPS(KR7652)10/2011 [MOA](#)

DIPLOMA KEWANGAN KPT/JPS(KR7966)08/2012 [MOA](#)

DIPLOMA PEMASARAN KPT/JPS(KR7651)02/2012 [MOA](#)

DIPLOMA KESETIAUSAHAAN EKSEKUTIF KPT/JPS(KR9606)03/2014 [MOA](#)

DIPLOMA KEWARTAWANAN KPT/JPS(KR7969)02/2012 [MOA](#)

DIPLOMA KEWANGAN ISLAM* KPT/JPS(KR7967)08/2012 [MOA](#)

DIPLOMA PENGURUSAN INSTITUSI ISLAM* KPT/JPS(KR7968)08/2012 [MOA](#)

DIPLOMA SAINS KOMPUTER KPT/JPS(KR7965)05/2012 [MOA](#)

DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT KPT/JPS(KR7964)05/2012 [MOA](#)

DIPLOMA KEJURUTERAAN KOMPUTER KPT/JPS(KR7740)12/2011 [MOA](#)

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA) KPT/JPS(KR7741)12/2011 [MOA](#)

DIPLOMA GRAFIK DAN REKABENTUK MULTIMEDIA* KPT/JPS(KA9823)12/2014 [MOA](#) **BAHARU!**

DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN KPT/JPS(KA10884)02/2015 [MOA](#) **BAHARU!**
(Separuh/Sepenuh Masa)



UTM

DIPLOMA SAINS KOMPUTER (TEKNOLOGI MAKLUMAT) KPT/JPS(KR7657)10/2011 [MOA](#)

DIPLOMA PENGURUSAN TEKNOLOGI KPT/JPS(KR7653)10/2011 [MOA](#)

DIPLOMA PENGURUSAN TEKNOLOGI (PERAKAUNAN) KPT/JPS(KR10817)01/2015 [MOA](#)

DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM KPT/JPS(KR7654)12/2011 [MOA](#)

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA) KPT/JPS(KA7671)02/2012 [MOA](#)

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK KPT/JPS(KR7656)12/2011 [MOA](#)

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL KPT/JPS(KR7655)12/2011 [MOA](#)



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PRA DIPLOMA PERDAGANGAN* KPT/JPS(KR9154)09/2013 [MOA](#)

DIPLOMA PERAKAUNAN* KPT/JPS(KR8143)08/2012 [MOA](#)

DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN* KPT/JPS(KR8144)08/2012 [MOA](#)

DIPLOMA SENILUKIS & SENIREKA (GRAFIK & MEDIA DIGITAL)* KPT/JPS(KR10300)06/2014 [MOA](#)

DIPLOMA SENILUKIS & SENIREKA (SENI HALUS)* KPT/JPS(KR10299)06/2014 [MOA](#)



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
SARAWAK

IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN PERNIAGAAN

DENGAN KEPUJIAN* KPT/JPS(KR10818)01/2015 [MOA](#)



جامعة اليرموك
YARMOUK UNIVERSITY

IJAZAH SARJANA MUDA SYARIAH (EKONOMI & PERBANKAN ISLAM)

DENGAN KEPUJIAN* KPT/JPS(KR11533)08/2015 [MOA](#)



www.ikipcollege.edu.my

